

Masyarakat diseru sama2 bentuk peribadi kanak2

157

KUALA LUMPUR 9
Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru seluruh masyarakat bersama - sama memainkan peranan membentuk peribadi kanak - kanak kerana kanak - kanak adalah harta bagi negara.

Perdana Menteri berkata, dalam membentuk peribadi kanak - kanak, ibu bapa merupakan model yang ulung kepada anak - anak mereka sebelum anak - anak itu melangkah kaki ke sekolah.

Katanya, ibu bapalah juga yang boleh mengawasi supaya pengalaman yang dialami oleh anak - anak mereka merupakan peng-

alaman yang membina akhlak dan meneguhkan iman.

Berucap merasmikan pameran "Duniaku" di Muzium Negara petang ini, beliau menambah, seseorang kanak - kanak itu melalui peringkat perkembangan yang tertentu dan berbagai peringkat krisis yang datang daripada kehendak ibu bapa dan masyarakat.

"Kegagalannya dalam melalui peringkat - peringkat ini akan menjejaskan dan seterusnya mendatangkan kebingungan kepada seseorang kanak - kanak di dalam masyarakat," tegasnya.

Oleh itu, kata beliau, penjagaan yang bermutu dan perlindungan semasa di

peringkat awal kehidupan kanak - kanak adalah sangat mustahak.

Pameran sebulan ini adalah mengenai alam kanak - kanak, dianjurkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Muzium Negara.

Perdana Menteri mencadangkan pendekatan pelbagai sektor dan bersepadu bagi menentukan kebajikan kanak - kanak dan memupuk mereka dengan nilai - nilai yang positif.

Beliau berkata, kanak - kanak sekarang terdedah kepada berbagai pengaruh sama ada media massa, televisyen, wayang gambar dan lain - lain lagi di persekitaran mereka.

"Daripada televisyen, berbagai perkara seperti cerita - cerita dan kejadian - kejadian yang buruk seperti keganasan, jenayah dan nilai - nilai hidup yang asing akan dapat dilihat dan sesudah itu sedikit sebanyak akan mencorakkan akhlak mereka," ujarnya.

Katanya, ibu bapa mempunyai keupayaan yang baik dan jika keupayaan itu digunakan dengan baik terutama pada masa anak mereka masih kecil, nilai - nilai baik akan meresap membentuk peribadi anak yang tidak mudah diubah oleh pengaruh lain.

"Kegagalan ibu bapa menggunakan peluang didikan awal ini akan memudahkan penerapan nilai - nilai yang tidak diingini yang terdapat dalam masyarakat dunia moden ini," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru semua ibu bapa mempelajari sedikit sebanyak isi kandungan dan cara mendidik di rumah kerana katanya, ibu bapa kini tidak boleh lagi percaya bahawa setiap orang daripada mereka sudah dikurniakan dengan kebolehan untuk mendidik anak dengan jayanya.